

NST 13.11.2012 3

Gakum mahu Skim Saraan Universiti dilaksanakan tahun depan

KOTA KINABALU: Gabungan Majlis Presiden dan Setiausaha Kehormat Kesatuan Kakitangan Universiti Malaysia (Gakum) mahu Skim Saraan Universiti (SSU) dilaksanakan pada tahun depan atau selewat-lewatnya tahun 2014.

Pengerusinya Datuk Omar Osman berkata, skim itu diperlukan supaya setiap universiti mempunyai satu sistem kenaikan pangkat, latihan, dan gred gaji yang lebih baik serta seimbang dengan peranan universiti pada hari ini khususnya yang sudah dinaik taraf ke status Universiti Penyelidikan.

"Skim ini merangkumi semua peringkat akademik, pen-

tadbiran dan kumpulan pelaksana dalam Universiti.

"Gakum, Persatuan Pentadbir Universiti dan Persatuan Akademik Universiti telah pun menyediakan dan menyerahkan memorandum SSU ini kepada Mesyuarat Jawatankuasa Naib-naib Canselor (JKNC) untuk dibawa kepada Kementerian Pengajian Tinggi pada 23 Oktober lalu," katanya kepada pemberita pada sidang akhbar sempena Mesyuarat Gakum, di Universiti Malaysia Sabah (UMS), di sini, kelmarin.

Omar berkata, Malaysia harus mempunyai SSU seperti yang dilaksanakan di negara-negara maju yang lain

seiring dengan perkembangan universiti yang kini mengambil pelajar luar negara.

"Dulu universiti tidak mempunyai pelajar dari luar negara tetapi kini sebaliknya," katanya.

Beliau berkata, SSU diambil daripada penambahbaikan Skim Saraan Malaysia (SSM) tetapi lantikan daripada kelulusan Penilaian Menengah Rendah (PMR) adalah terkecuali.

"Kita juga mengambil Dasar Pemisah dibawah SSU ini dan mencadangkan dua peringkat iaitu mereka yang prestasi rendah (dibawah markah 60) selama tiga tahun dicadangkan bersara awal, man-

akala yang cemerlang, berpotensi tetapi jawatan terhad dibenarkan menjawat jawatan yang lebih tinggi di universiti yang lain.

"Seseorang itu juga dibenarkan kembali ke universiti asalnya dengan jawatan tingginya pada suatu hari nanti.

"Keadaan ini boleh menjadikan penjawat awam itu bertaraf dunia...kini gaji yang diberikan maksimum 10 tahun, pangkat pula tidak naik tapi mahu orang bekerja seperti bertaraf dunia...macam mana orang mahu buat," katanya.

Omar juga mencadangkan enam universiti yang dinaikkan taraf ke Universiti Penyel-

idikan mempunyai insentif khas untuk kakitangan akademik sejumlah RM1,200, kakitangan Pentadbiran RM800 dan kumpulan pelaksana RM500.

Beliau berkata, ini kerana penaiktarafan universiti itu sudah tentu akan menambah beban penyelidikan, pelajar dan pelajar luar negara.

"Kita tidak menuntut perkara ini dua atau tiga tahun kebelakangan ini kerana kita masih dalam proses kajian dan kini selepas kajian itu, kami mendapati kakitangan awam universiti berkurangan tetapi beban mereka bertambah.

"Jadi insentif khas ini perlu supaya seimbang dengan

beban disamping meningkatkan produktiviti agar universiti bertaraf penyelidikan ini betul-betul mencapai kejayaan," katanya.

Omar berkata, di seluruh Malaysia terdapat lebih kurang 30,000 kumpulan akademik, 55,000 kumpulan pelaksana dan 1,200 kumpulan pentadbiran.

UMS menjadi tuan rumah kepada mesyuarat Gakum kali ini yang mana seramai 18 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang hadir daripada 20 buah IPTA bagi membincangkan hal-hal berkaitan penjawat awam IPTA. —

OLEH MARRYAN RAZAN